

Bengkalis

HUBUNGAN SEJARAH DAN KEKELUARGAAN DI SELAT MELAKA

Kabupaten Bengkalis yang terletak di Provinsi Riau, Indonesia pada ketika ini terkenal dengan julukan “Negeri Junjungan”, bukti daripada catatan sejarah nama Bengkalis sejak tahun 1575, ketika Fernao vas Dourado menulis nama Bengkalis dalam peta yang dibuatnya dengan nama *Bamcalis*. Kemudian dalam peta Belanda yang dibuat oleh Willem Lodewycksz yang diterbitkan pada tahun 1598, Bengkalis disebut dengan *Bancalis*. Emanuel Gordinho de Eredia dalam bukunya *Declaracam de Malaca e India Meridional com o Cathay*, menyebutkan Bengkalis dengan kata *Bencales*.



Dinar Turki 1534.



Keris perhiasan Berbau Wangi 2.

Kapal perdagangan milik Belanda bernama *Bengkalis* 1917.

Asal nama *Bengkalis* terdiri daripada beberapa versi yang diyakini dan berkembang dalam kalangan masyarakat. Antaranya termasuklah kata *Bengkalis* kononnya daripada nama pohon yang banyak tumbuh di pinggir sungai, iaitu pohon *Bengkalis*. Sebahagian masyarakat mempercayai bahawa nama Pulau *Bengkalis* awalnya bernama Pulau *Bangka*.

Syiling timah Terengganu 2.

Namun begitu, pada suatu ketika, para nelayan melihat dari jauh pulau ini beralih, akhirnya dikenal dengan Pulau *Bangka Beralih*. Lama kelamaan menjadi *Bangkalih*, lalu berubah menjadi *Bengkalis*.

Bengkalis merupakan daerah di bawah

penguasaan Kerajaan *Melaka* semenjak awal lagi. Pada masa pemerintahan Sultan *Mansur Shah*, baginda mengirim *Bendahara Tun Perak* ke *Bengkalis* dalam usaha memperluaskan penguasaan Kerajaan *Melaka* di bahagian pesisir Pulau *Sumatera*. Semenjak itu, *Bengkalis* tertakluk dalam wilayah Kerajaan *Melaka* dan menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan yang pesat.

Lokasi *Bengkalis* yang strategik sebagai pusat perdagangan dan kota pelabuhan di Selat *Melaka* menjadikan wilayah ini rebutan dan bertukar tangan pemerintahan. Bermula di bawah penguasaan Kerajaan *Melaka* (tahun 1400-1641), setelah itu di bawah Kerajaan *Johor* (tahun 1641-1723). Kekalahan *Johor* dengan *Aceh* pada tahun 1615 menyebabkan *Bengkalis* jatuh ke tangan *Aceh*. Kemudian, pada tahun 1641 kembali menjadi milik *Johor* melalui perjanjian damai *Aceh* dan *Johor*, seterusnya di bawah Kerajaan *Siak* (tahun 1723-1858) dan Belanda (tahun 1858-1942). Bahkan *Bengkalis* pernah menjadi ibu kota Keresidenan *Sumatera Timur* pada tahun 1873, sebelum pindah ke *Medan* pada tahun 1887.

Bengkalis Sebagai Kota Pelabuhan

Pada abad ke-17, *Bengkalis* dikenali sebagai kota pelabuhan dan perdagangan. *Eliza Netscher* dalam bukunya, *De Nederlanders in Djohor en Siak 1602*



Pending abad ke-15.

tot 1865, memberikan gambaran bahawa pada tahun 1678, *Bengkalis* menjadi tempat pertemuan pedagang *Melayu*, *Jawa* dan *Arab*, membawa barang dagangannya bersama-sama dengan pedagang dari *Palembang*, *Jambi*, *Indragiri*, *Aceh*, *Kedah*, *Perak*, *Kelang*, *Johor*, *Penang*, *Petani*, *Siam*, *Kamboja*, dan *Sumatera*, datang ke *Bengkalis* untuk mengambil garam dan ikan terubuk.

Tambang emas dan timah yang berada di pedalaman *Sumatera* di hulu Sungai *Siak*, iaitu di *Petapahan*, *Kabun*, *Kota Rena*, *Tapung* dan beberapa daerah sekitarnya, membawa keuntungan besar bagi *Bengkalis*. Emas dan timah dibawa melalui Sungai *Siak* untuk didagangkan menggunakan kapal yang akan singgah di pelabuhan *Bengkalis*, baik untuk diperdagangkan di *Bengkalis* atau dibawa selanjutnya ke *Melaka* atau destinasi lainnya.

Kedudukan *Bengkalis* yang strategik disadari oleh *Johor* ataupun *Belanda*. Menguasai *Bengkalis* ketika itu bererti menguasai perdagangan emas dan

timah hasil lombong di hulu Sungai Siak. Pada tahun 1661, seorang pedagang Inggeris memohon izin kepada Sultan Abdul Jalil untuk membangunkan gudang di Bengkulu, namun permintaan ini ditolak. Pembangunan gudang ini akan menyebabkan ketidakadilan bagi pedagang lain dan menjejaskan pengaruh Johor di pelabuhannya sendiri.

Pada pertengahan abad ke-17, Bengkulu turut dikenali sebagai tempat membaiki kapal dan mendapatkan bekalan untuk pelayaran. Kapal yang datang dari Barat melalui Melaka akan singgah di Bengkulu untuk membaiki kapal mereka. Hal yang sama juga dilakukan oleh kapal dari Jepun. Layanan baik yang dilakukan Bengkulu menyebabkan jumlah kapal dan pedagang semakin bertambah, dengan demikian tentu menambah pendapatan bagi Johor pada ketika itu.

Pada era kemunduran Sriwijaya, masuklah pengaruh

Singasari, kemudian semakin kukuh pada zaman Majapahit. Pengaruh itu kemudian diambil alih oleh Kerajaan Melaka yang menjadi pusat empayar Melayu. Sejak itulah seluruh kerajaan di Riau dan bahagian Sumatera lainnya bernaung di bawah Melaka dan berakhir pada tahun 1511, ketika jatuh ke tangan Portugis.

Sultan Mahmud Shah I, Sultan Melaka terakhir dalam usahanya melawan Portugis terpaksa berundur ke Muar, kemudian ke Kota Kara dan Kopak di Bintan, terus masuk ke Pekantua Kampar. Kemudian, puteranya Raja Ali dinobatkan menjadi sultan Pekantua dengan gelar Sultan Alauddin Riayat Syah II. Tidak lama kemudian, beliau kembali ke Semenanjung Tanah Melayu membangunkan Kerajaan Johor dan menjadi Sultan Johor. Sejak itu Johor memegang peranan sebagai

lemah. Akhirnya, kerajaan-kerajaan Melayu di Riau mula melepaskan diri dari Johor.

Hubungan Melaka Dengan Bengkulu

Dalam *Summa Oreintal*, catatan perjalanan Tome Pires dari Laut Merah hingga ke Jepun yang ditulis pada tahun 1512-1515, ada menyebut Pulau Bengkulu dengan nama Tanah Purim sebagai daerah yang menghasilkan ikan dalam jumlah yang banyak. Di sana juga dijumpai pedagang yang menjual emas, beras, daging serta barangan makanan lainnya. Didiiami oleh Orang Selat, iaitu kelompok yang menguasai laut dan pendayung yang handal dalam jumlah yang cukup banyak. Menurut Tome Pires lagi, pada ketika itu di Bengkulu memiliki seorang pemimpin yang sangat berkuasa dan pengikut setia Sultan Melaka. Jika diperlukan, maka Orang Selat ini dapat dikerahkan untuk membantu Melaka.

Permukiman orang laut di Tanjung Parit-Muntai dan Suku Senggeren di muara Sungai Bengkulu melahirkan anggapan bahawa mereka berasal dari Bukit Siguntang. Oleh sebab Melaka didirikan oleh Parameswara yang merupakan keturunan dari Sang Nila Utama dari Bukit Siguntang, maka kesetiaan Orang Selat terhadap Melaka tidak berbelah bagi. Kumpulan ini apabila diperlukan, sentiasa siap sedia untuk dikerahkan demi membela kepentingan Melaka.

Dengan pengetahuan lautan yang dimiliki, seperti membaca arah angin, petunjuk bintang di langit, memahami tentang musim serta kemahiran laut lainnya, Orang Selat dikenali sebagai pelaut yang handal. Orang Selat, atau sering juga disebut dengan Suku Laut, meliputi

pewaris Melaka. Namun begitu, Johor menghadapi berbagai-bagai cabaran daripada Portugis, Belanda, Inggeris, Aceh dan Jambi, yang menyebabkan Johor menjadi

Syiling emas zaman Sultan Alauddin (Johor) tahun 1527-1564.



Perhiasan emas ditemukan di Sungai Bengkulu.



Syilling yang ditemukan di Sungai Bengkalis.



Syilling VOC 1732.

berbagai-bagai suku dan kelompok yang bermukim di pulau dan muara sungai di Kepulauan Riau, Puluh Tujuh, pesisir dan pulau-pulau di pantai Sumatera Timur dan Semenanjung Malaysia bahagian Selatan. Disebutkan bahawa Orang Selat menguasai daerah perairan yang memainkan peranan penting dalam Kerajaan Sriwijaya, Kesultanan Melaka dan Kesultanan Johor. Mereka menjaga selat-selat, mengusir para lanun dan memandu para pedagang ke pusat pelabuhan perdagangan pada ketika itu.

Kerajaan Melaka pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah telah mengirinkan Bendahara Tun Perak ke Bengkalis dan kawasan lain di pesisir timur Sumatera. Setelah Melaka dapat menahan serangan Siam di Kedah dan Pahang pada tahun 1470, Tun Perak memimpin ekspedisi penaklukan negeri-negeri pantai timur Sumatera. Bengkalis merupakan kawasan pertama yang ditaklukkan sebagai laluan pembuka untuk negeri-negeri lainnya. Penaklukan Melaka terhadap Bengkalis yang dipimpin oleh Bendahara Tun Perak ini juga dipercayai sebagai faktor utama kemasukan agama

Islam ke Bengkalis. Walaupun sebelum itu Bengkalis telah diperkenalkan Islam melalui pedagang India dan Arab, namun perluasan wilayah Melaka dan penyebaran Islam ini memiliki jangkauan yang lebih jauh.

Keunggulan Melaka kerana kedudukannya sebagai sebuah empayar yang mewarisi peranan Sriwijaya ataupun Majapahit sebelum ini. Jika Majapahit memiliki Patih Gajah Mada, maka Melaka juga memiliki Bendahara Tun Perak yang merupakan ahli strategi dalam menyusun imperialisme Melaka. Disebabkan oleh kemampuan, strategi dan keilmuannya, bukan sahaja ancaman Siam dapat dipatahkan, bahkan berjaya menakluki hampir seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian pesisir Sumatera, seperti wilayah Bengkalis, Dumai, Siak, Kampar, Indragiri, Rokan dan lain-lain.

Ketika Melaka jatuh ke tangan Portugis, Orang Selat menunjukkan kesetiaan mereka dengan mengadakan penentangan terhadap Portugis di Melaka. Pada tahun 1512, Sultan Mahmud Shah mengutuskan Hang Nadim ke Bengkalis, Bukit Batu dan Siak

Gasib untuk membincangkan persiapan melawan Portugis di Melaka. Bengkalis di bawah Laksamana Batin Hitam, Bukit Batu dibawah pimpinan Tuan Megat dan Siak Gasib menyiapkan pasukan di bawah pengawasan Sultan Khoja Ahmad Syah. Armada gabungan ini menyerang Portugis di Melaka pada bulan Julai 1512. Perlawanan yang sengit antara Portugis dengan Bengkalis dan gabungan negeri-negeri selat tersebut berlarutan sehingga mengheret mereka ke Pagoh di Muar. Setelah itu mereka kembali ke daerah masing-masing untuk mengatur strategi yang lebih lengkap.

Dengan adanya serangan demi serangan dari negeri-negeri selat tersebut, Portugis berasa tidak puas hati dan meneruskan serangan ke Bengkalis. Melalui strategi yang matang, Bengkalis dibantu Siak dan negeri-negeri selat yang lain dapat mempertahankan diri sehingga Portugis mengalami kekalahan dan berundur kembali ke Melaka. Peristiwa kekalahan Portugis di perairan Selat Bengkalis ini terjadi pada tahun 1512, yang merupakan peristiwa paling bersejarah bagi Bengkalis.

Setelah kekalahan Portugis, banyak lagi terjadi perlawanan dan serangan yang dilakukan mereka terhadap Bengkalis dan negeri-

negeri Melayu. Peran Bengkalis membantu Sultan Mahmud Shah menimbulkan kemarahan Portugis. Pada 23 Oktober 1526, dalam usaha menangkap Sultan Mahmud dan memadamkan penentangan Laksamana Hang Nadim, sebuah armada yang dipimpin oleh Pedro Mascarenhas, seorang Captain Mayor Portugis di Melaka, menyerang Bengkalis. Setelah melalui pertempuran yang sengit, armada Melayu tidak mampu mengimbangi kekuatan Portugis dan berundur, akhirnya Bengkalis terdedah dan sukar untuk dipertahankan. Tercatat bahawa lebih 300 buah rumah dibakar oleh Portugis dan banyak penduduk yang telah terkorban.

Dalam upaya membersihkan Selat Melaka daripada ancaman kapal-kapal Kesultanan Melayu terhadap Portugis, mereka meningkatkan penjagaan untuk meronda di perairan Bengkalis. Pada tahun 1537, terjadi pertempuran hebat antara armada Portugis dengan armada Kesultanan Melayu di Selat Rupa. Kemudian pada tahun 1547, sekali lagi Portugis menyerang Bengkalis yang terjadi di Tanjung Jati. Dengan hanya memiliki dua lancang dan 13 penjajab, armada gabungan Melayu tidak mampu memberikan ancaman kepada Portugis.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis merupakan permulaan awal penguasaan Eropah terhadap kawasan rantau kepulauan Melayu. Setelah Melaka jatuh, maka berdirilah kuasa baharu, iaitu Johor. Beberapa negeri yang sebelumnya berada di bawah naungan Melaka tetap meneruskan taat setia kepada Kesultanan Melayu Johor yang dianggap melanjutkan era Kesultanan

Melaka. Bagi memastikan negeri-negeri selat, termasuk Bengkalis, tetap tunduk, Sultan Johor mengangkat penguasa setempat yang taat setia kepada Johor. Syahbandar Bengkalis yang dilantik oleh Johor bertanggungjawab kepada Penghulu Bendahari. Hal ini menunjukkan bahawa Portugis menguasai Melaka, namun kuasanya tidak sampai ke Bengkalis.

Pada September 1615, dengan kekuatan 300 kapal dan bala tentera yang kira-kira 30 ribu orang, Aceh menyerang Melaka. Namun serangan ini dapat dipatahkan oleh Portugis di Melaka kerana mendapat bantuan tambahan armada dari India. Menurut laporan VOC (Belanda), armada Aceh mundur dari Melaka ke Bengkalis dalam mempersiapkan diri untuk serangan berikutnya. Ternyata setelah itu, Aceh bukan menyerang Melaka tetapi dapat mengalahkan Johor. Kekalahan Johor ini mengakibatkan kawasan Bengkalis yang selama ini berada di bawah kekuasaan Johor jatuh ke tangan Aceh.

Lokasi Pulau Bengkalis yang strategis menjadikan tempat ini rebutan para penguasa ketika itu. Para penjajah Barat melihat sama pentingnya menguasai dua daerah ini, iaitu Melaka dan Bengkalis. Dengan menguasai kedua-dua sisi Selat Melaka, maka penguasaan terhadap daerah ini lebih menguntungkan. Dalam Summa Oreintal, Tome Pires melukiskan kedudukan strategik Selat Melaka dalam arus perdagangan dunia. Barang siapa dapat menguasai Melaka, bererti akan dapat menguasai Venesia.

Walaupun dari sudut pemerintahan antara Bengkalis

dengan Riau di Sumatera dengan Semenanjung Tanah Melayu telah terpisah, namun dari aspek kebudayaan dan adat istiadat masih tetap sama. Hubungan sejarah dan kekeluargaan yang kuat, tidak mempengaruhi keakraban dan jati diri disebabkan oleh pemisahan pentadbiran negara. Di Riau, kerajaan-kerajaan Melayu yang sudah berdiri sendiri mengalami berbagai-bagai perubahan, sehingga akhirnya kerajaan-kerajaan tersebut masuk dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia yang merdeka tahun 1945. Kerajaan Siak Sri Indrapura juga akhirnya memasuki wilayah Republik Indonesia pada tahun 1946.

Di Semenanjung Tanah Melayu, meskipun di bawah penguasaan Inggeris, namun institusi raja masih tetap bertahan. Hinggalah sekarang, peranan raja atau sultan masih mendapat tempat dalam pemerintahan di Malaysia.

Hubungan Melaka dengan Riau-Sumatera, khususnya wilayah Bengkalis, merupakan hubungan yang tidak dapat dipisahkan, bagaikan air yang dicincang tidak akan putus. Memiliki sejarah, budaya dan adat istiadat yang sama, Selat Melaka juga merupakan halaman bermain yang sama. Ibaratkan adik-beradik dalam sebuah keluarga, ketika masih kecil bermain dan makan bersama-sama, tidur sebentar, dan suka duka bersama-sama. Pada saat dewasa dan berkeluarga, mereka menguruskan keluarga masing-masing, membangunkan ekonomi sendiri dan berkumpul semula tatkala berasa ingin bersama. Pada hakikatnya, hubungan tali darah ini tidak akan pudar dan sentiasa terjalin, seterusnya mengisi lembaran sejarah untuk generasi masa depan. **DB**